

**MAKLUMBALAS DAN INPUT CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO'MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

BIL.	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN AGENSI
1.	YB Banting	Pertimbangan pelepasan membayar cukai taksiran dan cukai tanah dan kelonggaran bayaran secara ansurans	Sehingga kini, tiada dasar telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri berhubung pelepasan ke atas pembayaran cukai tanah dan cukai petak. Walaubagaimanapun, pembayaran cukai tanah dan cukai petak secara ansuran adalah dibenarkan dan tertakluk kepada pertimbangan oleh Pentadbir Tanah Daerah ke atas permohonan yang dikemukakan oleh pemilik tanah. Bagi permohonan bayaran cukai tanah secara ansuran, pemilik tanah boleh mengemukakan surat permohonan kepada Unit Hasil Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat. Sekiranya diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pemilik tanah beserta jadual pembayaran yang perlu dipatuhi. Bayaran ansuran ini hanya dibenarkan untuk 3 kali bayaran sahaja dalam tahun yang sama. Sekiranya pemilik tanah tidak mematuhi jadual tersebut, kelulusan yang diberikan adalah terbatal.
2.	YB Sijangkang	Hasil utama Kerajaan Negeri adalah daripada cukai tanah, status jumlah pembayar cukai secara online	Jumlah kutipan cukai tanah yang telah dikutip oleh PDTKL sehingga 30 Jun 2021 adalah berjumlah RM15,652,698.60 manakala kutipan cukai petak berjumlah RM113,222.20.

**MAKLUMBALAS DAN INPUT CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO'MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

			Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat tiada data terperinci mengenai data bayaran cukai secara online kerana data ini diselenggara oleh Pejabat tanah dan Galian Selangor melalui vendor eHasil.
3.	YB Sijangkang	PDT dan PBT perlu menyiapkan/ menyediakan pelan pre-comp bagi kemudahan awam asas supaya perkara ini dapat dilaksanakan segera selepas tempoh pandemik.	Untuk tujuan pewartaan kemudahan awam yang dibawah penyelenggaraan pihak MPKL dan JAIS, pelan pre-comp adalah disediakan sendiri oleh pihak pemohon. Manakala untuk pewartaan kemudahan awam yang diselenggara oleh Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat (PDTKL), Pentadbiran ini akan mengeluarkan pelan pre-comp yang disediakan oleh Unit Pelan dan Teknikal PDTKL. Selain itu, pewartaan kemudahan awam yang melibatkan serahan semasa pembangunan tanah adalah berdasarkan pelan pre-comp yang diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Untuk makluman, permohonan pewartaan adalah menggunakan pelan pre-comp, namun penyiaran pewartaan kemudahan awam tersebut hanya boleh dibuat setelah Pelan Akui (PA) bagi tapak kemudahan awam tersebut dikeluarkan oleh JUPEM. Oleh itu, semua pewartaan kemudahan awam yang telah diluluskan MMKN semasa permohonan

**MAKLUMBALAS DAN INPUT CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO'MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

			pembangunan tanah hanya akan dilaksanakan setelah PA diterima daripada pihak JUPEM.
4.	YB Sijangkang	Isu jalan berlubang di Kampung Labohan Dagang	Tindakan pembaikan akan diambil sekiranya terdapat aduan kerosakan yang berlaku di jalan-jalan seliaan PDT Kuala Langat dengan menggunakan peruntukan MARRIS atau jalan luar bandar dari pihak UPEN.
5.	YB Sijangkang	Masalah sisa pepejal domestik	Pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar / kampung telah diuruskan oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat dimana tong sampah diletakkan di lokasi di setiap kawasan kampung bagi daerah Kuala Langat.

PENGESAHAN KETUA JABATAN



(MOHD JUSNI BIN HASHIM)
PEGAWAI DAERAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT